

Asia Tenggara perlu Dr. Mahathir untuk kestabilan politik

UM 24 JUN 2002
SINGAPURA 23 Jun — Singapura menyambut baik keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menarik balik peletakan jawatannya sebagai Presiden UMNO, lapor media tempatan hari ini.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dipetik oleh sebuah stesen radio tempatan sebagai berkata, kestabilan politik di Asia Tenggara berada dalam keadaan

membimbangkan jika pemimpin Malaysia itu meneruskan keputusannya.

Chok Tong berkata “pada peringkat ini rantau ini tidak dapat berhadapan dengan satu lagi ketidaktentuan politik di sebuah negara lain...ia akan menjadi terlalu lemah untuk wilayah ini.”

Pemimpin Singapura itu bercakap kepada para pemberita tempatan selepas satu majlis kemasyarakatan di sini.

Semalam, Dr. Mahathir mengejutkan para perwakilan apabila beliau mengumumkan akan meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun pemimpin veteran berumur 76 tahun itu kemudian menarik balik keputusan tersebut. — AFP